

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

1. TUJUAN

- 1.1 Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) 2024–2028 telah mengenal pasti risiko dan faktor yang boleh menyumbang kepada berlakunya rasuah, termasuk kelemahan tadbir urus, kawalan dalaman dan percanggahan kepentingan. Sehubungan itu, Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan kepada warga kerja MBK dalam mengurus dan menangani percanggahan kepentingan semasa melaksanakan tugas rasmi bagi memastikan keputusan dan tindakan yang diambil adalah adil, telus, berintegriti serta tidak dipengaruhi oleh kepentingan peribadi.

2. PEMAKAIAN

- 2.1 Garis Panduan ini terpakai kepada semua warga kerja dan menjadi rujukan kepada pihak ketiga yang berurusan dengan MBK dalam mengelakkan percanggahan kepentingan yang boleh menjejaskan pelaksanaan tugas rasmi serta menjurus kepada pelanggaran tatakelakuan di bawah Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Bandar Raya Kuantan (Kelakuan dan Tatatertib) 2021.

3. TAFSIRAN

Bagi maksud Garis Panduan ini:

- 3.1 **‘Warga Kerja’** – seseorang pegawai atau kakitangan yang dilantik secara tetap, sementara atau kontrak oleh Majlis Bandaraya Kuantan.
- 3.2 **‘Saudara’** – “Saudara” sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, iaitu:
 - i. isteri atau suami orang itu;
 - ii. adik atau abang atau kakak orang itu;
 - iii. adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu;
 - iv. orang yang mempunyai pertalian langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;

- v. orang yang mempunyai pertalian langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
- vi. bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau
- vii. menantu orang itu.

3.3 'Percanggahan Kepentingan' – konflik apabila kepentingan peribadi seseorang warga kerja bercanggah atau berpotensi bercanggah dengan tanggungjawab rasmi sehingga boleh mempengaruhi, atau dilihat boleh mempengaruhi, pertimbangan, keputusan atau tindakan dalam pelaksanaan tugas.

Percanggahan kepentingan boleh berlaku apabila urusan rasmi melibatkan kepentingan diri sendiri, saudara, rakan atau mana-mana pihak yang mempunyai hubungan peribadi atau kepentingan kewangan dengan warga kerja seperti yang terkandung di bawah Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 seperti berikut:

Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan

23. *(1) Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan kedudukannya untuk apa-apa suapan sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan kesalahan;*

(2) Bagi maksud subsekyen (1), seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap, sehingga akasnya dibuktikan, telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya, saudaranya atau sekutunya, apabila dia membuat apa-apa keputusan, atau mengambil apaapa tindakan, berhubungan dengan apa-apa perkara yang mengenainya pegawai tu, atau mana-mana saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

3.4 'Pihak Ketiga' – merujuk kepada kontraktor, vendor, pembekal, perunding, pemohon, pelanggan atau mana-mana pihak yang berurusan dengan MBK.

3.5 'Ketua Jabatan' – merujuk kepada Datuk Bandar, Setiausaha, Pengarah Jabatan atau Ketua Bahagian yang bertanggungjawab mengikut struktur organisasi MBK.

4. PERNYATAAN DASAR

- 4.1 Selaras dengan hala tuju Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Bandaraya Kuantan 2024–2028 serta komitmen MBK dalam memperkukuh tadbir urus, integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam penyampaian perkhidmatan, warga kerja MBK hendaklah mengelakkan sebarang keadaan yang boleh mewujudkan percanggahan kepentingan.

Warga kerja MBK adalah dilarang untuk:

- i. menggunakan kedudukan atau jawatan rasmi bagi memberikan kelebihan atau manfaat kepada diri sendiri, saudara atau mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan peribadi dengannya;
- ii. mempunyai kepentingan peribadi atau kewangan dengan pihak ketiga yang terlibat dalam apa-apa urusan rasmi MBK;
- iii. menggunakan atau menyalurkan maklumat rasmi atau maklumat terperingkat MBK yang boleh memberikan manfaat kepada diri sendiri, saudara atau pihak ketiga;
- iv. menerima apa-apa bentuk yuran, komisen, saguhati, hadiah, barangan bernilai atau manfaat daripada pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi dengan MBK; dan
- v. menjalankan apa-apa transaksi peribadi atau menggunakan akaun peribadi bagi urusan rasmi dengan pihak ketiga yang mempunyai urusan dengan MBK.

5. PERISYTIHARAN KEPENTINGAN

- 5.1 Warga kerja MBK yang mempunyai atau berpotensi mempunyai percanggahan kepentingan dalam mana-mana proses kerja atau urusan rasmi hendaklah mengisytiharkan kepentingannya secara bertulis kepada Ketua Jabatan.
- 5.2 Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya, termasuk menggantikan warga kerja yang mempunyai percanggahan kepentingan dengan pegawai atau kakitangan lain yang tidak mempunyai kepentingan dalam urusan tersebut.

- 5.3** Warga kerja MBK yang mempunyai percanggahan kepentingan dan terlibat dalam membuat keputusan dalam mana-mana mesyuarat hendaklah mengisytiharkan kepentingannya secara lisan kepada mesyuarat dan tidak mengambil bahagian dalam perbincangan serta keputusan berkaitan perkara tersebut.
- 5.4** Perisytiharan kepentingan tersebut hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat. Setiausaha mesyuarat hendaklah mencatat nama pegawai yang membuat perisytiharan serta masa pegawai meninggalkan dan kembali ke mesyuarat, jika berkenaan.
- 5.5** Warga kerja MBK yang mempunyai percanggahan kepentingan dalam mana-mana urusan rasmi hendaklah melengkapkan Borang Pengisytiharan Kepentingan seperti di Lampiran A atau menggunakan mana-mana format pengisytiharan yang bersesuaian dan ditetapkan oleh Jabatan/Bahagian mengikut fungsi, keperluan dan proses kerja masing-masing.

6. PEMATUHAN

- 6.1** Kegagalan atau keengganan warga kerja MBK untuk mematuhi Garis Panduan ini boleh menyebabkan pegawai berkenaan dikenakan tindakan sewajarnya mengikut peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa.
- 6.2** Sebarang pelanggaran oleh pihak ketiga yang mempunyai urusan dengan MBK boleh dikenakan tindakan sewajarnya mengikut peraturan, terma dan syarat yang berkaitan serta boleh dirujuk kepada agensi penguatkuasaan atau pihak berkuasa yang berkaitan, jika perlu.

7. TARIKH KUAT KUASA

- 7.1** Garis Panduan Pengurusan Percanggahan Kepentingan Majlis Bandaraya Kuantan ini berkuat kuasa mulai tarikh pelancaran Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Bandaraya Kuantan 2024-2028.

8. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Bahagian Integriti
Pejabat Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Kuantan
Kompleks Bandaraya Kuantan
Jalan Tanah Putih
25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur

No. Telefon: 09 5121 555/666 sambungan 7630

Email: integriti@mbk.gov.my

BORANG KONFLIK KEPENTINGAN
'INTEGRITY PACT'
MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

Saya, _____ No. Kad Pengenalan _____ adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

- i. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tanggungjawab saya sebagai _____;
- ii. Saya tidak akan bersubahat atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak dalam melaksanakan tanggungjawab saya;
- iii. Saya akan mengisytiharkan apa-apa kepentingan peribadi atau kepentingan terletak hak secara bertulis dan akan menarik diri daripada membuat sebarang keputusan;
- iv. Sekiranya ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694];
- v. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];

.....
Tandatangan

Tarikh :